



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**SYARIKAT PEMEGANG PELABURAN
KETETAPAN UMUM NO. 2/2024**

TARIKH PENERBITAN: 28 MEI 2024



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi kedua pada 16 Disember 2015

Edisi pertama pada 10 Mac 2011

© 2024 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Definisi Syarikat Pemegang Pelaburan	1
5. Definisi Perniagaan Pemegangan Pelaburan	1
6. Penentuan Syarikat Pemegang Pelaburan	3
7. Layanan Cukai	9
8. Layanan Cukai bagi Syarikat Pemegang Pelaburan Yang Tidak Tersenarai di Bursa Malaysia	9
9. Layanan Cukai bagi Syarikat Pemegang Pelaburan Yang Tersenarai di Bursa Malaysia	17
10. Elaun Modal / Elaun Bangunan Industri	28
11. Pindaan dan Pengemaskinian	28
12. Penafian	29

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai berkenaan dengan syarikat pemegang pelaburan (SPP) yang bermastautin di Malaysia.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah perenggan 4(a), 4(d), 4(f), 8(1)(b) dan 8(1)(c), seksyen 43, 44, 60F dan 60FA serta perenggan 75 Jadual 3 dan perenggan 12B Jadual 6.

3. Tafsiran

Istilah yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Bermastautin” bermaksud bermastautin di Malaysia sebagaimana yang ditentukan di bawah perenggan 8(1)(b) dan 8(1)(c) ACP.
- 3.2 “Harta tanah” termasuk mana-mana tanah dan kepentingan, opsyen atau hak lain dalam atau atas tanah tersebut dan termasuk mana-mana bangunan atas tanah.

4. Definisi Syarikat Pemegang Pelaburan

- 4.1 SPP bermaksud suatu syarikat yang aktiviti utamanya adalah dalam pemegangan pelaburan dan tidak kurang 80% daripada pendapatan kasarnya selain daripada pendapatan kasar daripada punca perniagaan pemegangan pelaburan (sama ada dikecualikan atau tidak) adalah diperoleh daripada pemegangan pelaburan tersebut.

5. Definisi Perniagaan Pemegangan Pelaburan

- 5.1 “Perniagaan pemegangan pelaburan” bermaksud suatu perniagaan penyewaan harta tanah di mana suatu syarikat dalam mana-mana tahun taksiran (TT) menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan berhubung dengan harta tanah tersebut.
- 5.2 “Penyewaan harta tanah” bermaksud mengizinkan kegunaan harta tanah atau membenarkan harta tanah itu diduduki di bawah suatu perjanjian atau terma kontrak dan termasuk penyewaan sebahagian daripada harta tanah yang dimiliki atau disewa.

5.3 “Perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan” hendaklah disediakan secara komprehensif dan aktif.

5.3.1 Perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan yang disediakan secara komprehensif bermaksud :

- (a) melaksanakan secara am semua kerja yang perlu dilakukan (contohnya kerja membersihkan atau pembaikan) untuk penyelenggaraan dan pengurusan harta tanah seperti struktur bangunan, tangga, tangga kecemasan, laluan masuk dan keluar, lobi, koridor, lif/eskalator, kawasan halaman, longkang, tangki air, pembetung, saluran paip, pendawaian, kabel atau lekapan dan kelengkapan lain; dan
- (b) melaksanakan secara am semua kerja yang perlu dilakukan untuk penyelenggaraan dan pengurusan bahagian luar harta tanah seperti taman permainan, kawasan rekreasi, jalan masuk, tempat letak kereta, kawasan lapang, landskap, dinding dan pagar, lampu bahagian luar atau lekapan dan kelengkapan luar yang lain.

Sekiranya seseorang hanya menyediakan perkhidmatan kawalan keselamatan atau kemudahan lain, maka orang itu tidak menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan secara komprehensif.

5.3.2 Penyediaan perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan secara aktif bermaksud orang yang memiliki atau yang menyewakan harta tanah :

- (a) menyediakan perkhidmatan itu sendiri; atau
- (b) mengupah firma atau orang lain untuk menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan atau perkhidmatan sokongan sebagaimana yang disebut di bawah perenggan 5.3.1 KU ini.

5.4 Penentuan sama ada pendapatan daripada penyewaan harta tanah merupakan suatu punca perniagaan atau bukan perniagaan diterangkan secara terperinci di bawah Ketetapan Umum No.12/2018 bertajuk “Pendapatan Daripada Sewaan Harta Tanah”.

6. Penentuan Syarikat Pemegang Pelaburan (SPP)

6.1 Secara amnya, penentuan sama ada suatu syarikat merupakan SPP bergantung kepada dua (2) kriteria :

- a) aktiviti utama syarikat adalah pemegang pelaburan; dan
- b) tidak kurang 80% daripada pendapatan kasar syarikat selain daripada pendapatan kasar daripada punca terdiri daripada perniagaan pemegang pelaburan (sama ada dikecualikan atau tidak) adalah diperoleh daripada pemegangan pelaburan tersebut.

Contoh 1

Michael Ang Investment Sdn Bhd (MAISB) memulakan perniagaan dalam tahun 2021 dan aktiviti utamanya adalah pelaburan dalam beberapa syarikat dan simpanan tetap. Bagi tahun 2022, MAISB hanya menerima pendapatan dividen hasil pelaburan dalam syarikat tersebut dan faedah simpanan tetap. MAISB menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun.

MAISB merupakan SPP bagi TT 2022 kerana aktiviti utamanya adalah pemegangan pelaburan dan tidak kurang 80% daripada pendapatannya (dividen dan faedah simpanan tetap) adalah diperoleh daripada pemegangan pelaburan tersebut.

Contoh 2

Cahaya Bakti Sdn Bhd memulakan perniagaan dalam tahun 2020 dan aktiviti utamanya adalah perladangan kelapa sawit. Di samping itu, Cahaya Bakti Sdn Bhd juga melabur dalam beberapa syarikat dan simpanan tetap di beberapa bank. Dalam tahun 2022, syarikat menerima faedah berjumlah RM20,000 hasil daripada simpanan tetap tersebut. Syarikat belum lagi memperoleh apa-apa pendapatan daripada aktiviti perladangan. Syarikat menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun.

Walaupun pendapatan Cahaya Bakti Sdn Bhd adalah 100% diperoleh daripada simpanan dalam simpanan tetap, Cahaya Bakti Sdn Bhd bukan merupakan SPP bagi TT 2022 kerana aktiviti utamanya bukan pemegangan pelaburan tetapi perladangan kelapa sawit.

Contoh 3

Pelaburan Indah Sdn Bhd (PISB) memulakan perniagaan dalam tahun 2021 dan aktiviti utamanya adalah pemegangan pelaburan di dalam 10 buah syarikat berkaitan. PISB menerima pendapatan dividen sebanyak RM30,000 hasil

daripada pelaburan tersebut dalam tahun 2022. Selain daripada pendapatan dividen, PISB juga menerima fi pengurusan daripada syarikat-syarikat berkaitan sebanyak RM20,000 dalam tahun 2022. Syarikat menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun.

Walaupun aktiviti utama PISB adalah pemegangan pelaburan, PISB bukan merupakan SPP bagi TT 2022 kerana pendapatan daripada pemegangan pelaburan adalah kurang 80% daripada pendapatan kasarnya.

- 6.2 Kriteria tambahan dalam penentuan SPP ialah apa-apa pendapatan kasar daripada perniagaan pemegangan pelaburan tidak akan diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada pemegangan pelaburan. Oleh itu, hanya pendapatan daripada faedah dan dividen di bawah perenggan 4(c) ACP dan sewa di bawah perenggan 4(d) ACP diambil kira sebagai pendapatan kasar daripada pemegangan pelaburan. Contoh pengiraan peratusan pendapatan pemegangan pelaburan adalah seperti berikut :

Contoh 4

Punca Pendapatan	Syarikat A	Syarikat B	Syarikat C	Syarikat D	Syarikat E
Sewa (perniagaan)	85,000	20,000	-	50,000	20,000
Sewa (bukan perniagaan)	-	-	75,000	20,000	30,000
Dividen	5,000	50,000	10,000	10,000	20,000
Faedah	10,000	30,000	5,000	20,000	20,000
Fi perkhidmatan pengurusan	-	-	10,000	-	10,000
Jumlah pendapatan kasar	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000
Peratusan pendapatan pemegangan pelaburan	15,000/100,000 15%	80,000/100,000 80%	90,000/100,000 90%	50,000/100,000 50%	70,000/100,000 70%
SPP atau bukan	Bukan	SPP	SPP	Bukan	Bukan

- (a) Syarikat A, D dan E adalah bukan SPP kerana pendapatan daripada pemegangan pelaburan kurang 80% daripada pendapatan kasar syarikat tersebut.
- (b) Syarikat B dan C adalah merupakan SPP kerana pendapatan daripada pemegangan pelaburan adalah tidak kurang 80% daripada pendapatan kasar syarikat tersebut.

6.3 Sekiranya syarikat merupakan bukan SPP dalam suatu TT tetapi pendapatan kasar daripada sewa (perniagaan pemegangan pelaburan) berkurangan dalam tahun taksiran atau tahun-tahun taksiran berikutnya disebabkan pemberhentian penyewaan sementara kerana keadaan seperti berikut :

- (a) pembaikan atau pengubahsuaian bangunan;
- (b) ketiadaan penyewa untuk tempoh 2 tahun selepas penamatan penyewaan;
- (c) arahan guaman atau kuasa rasmi lain; atau
- (d) keadaan lain di luar kawalan syarikat;

Syarikat masih dianggap sebagai bukan SPP untuk TT atau tahun-tahun taksiran berikutnya walaupun pendapatan daripada pemegangan pelaburan tidak kurang 80% daripada pendapatan kasar syarikat.

Contoh 5

Pendapatan Asia Central Sdn Bhd bagi TT 2018 hingga 2022 adalah seperti di bawah. Pendapatan sewa (perniagaan) berkurangan dalam TT 2021 disebabkan premis tidak disewakan untuk beberapa bulan semasa syarikat membuat pembaikan ke atas premis itu.

Punca Pendapatan	TT 2018	TT 2019	TT 2020	TT 2021	TT 2022
Sewa (perniagaan)	60,000	50,000	30,000	10,000	70,000
Sewa (b.perniagaan)	10,000	20,000	20,000	20,000	20,000
Dividen	10,000	10,000	20,000	20,000	20,000

Faedah	20,000	20,000	20,000	20,000	10,000
Jumlah pendapatan kasar	100,000	100,000	90,000	70,000	120,000
% pendapatan pemegangan pelaburan	40,000/100,000 40%	50,000/100,000 50%	60,000/90,000 67%	60,000/70,000 86%	50,000/120,000 42%
SPP atau bukan	Bukan	Bukan	Bukan	Bukan	Bukan

Dalam TT 2021, disebabkan penurunan pendapatan daripada sewa (perniagaan), pendapatan daripada pemegangan pelaburan adalah lebih daripada 80% daripada pendapatan kasar syarikat. Walau bagaimanapun, syarikat itu masih dianggap bukan SPP kerana penurunan pendapatan sewa (perniagaan) adalah disebabkan oleh pemberhentian sementara penyewaan kerana kerja-kerja pembaikan.

Contoh 6

Double Trouble Sdn Bhd menutup akaunnya pada 31 Disember setiap tahun. Pendapatan sewa (perniagaan) diperoleh daripada penyewaan lot pejabat di sebuah bangunan 3 tingkat. Pada 1.6.2020, penyewaan sebahagian besar lot pejabat tamat dan syarikat hanya berjaya mendapat penyewa baru pada 1.6.2022 (ketiadaan penyewa untuk tempoh 24 bulan). Oleh itu, pendapatan sewa perniagaan berkurangan dalam tahun-tahun taksiran 2020, 2021 dan 2022. Pendapatan Double Trouble Sdn Bhd bagi TT 2018 hingga TT 2022 adalah seperti berikut :

Punca Pendapatan	TT 2018	TT 2019	TT 2020	TT 2021	TT 2022
Sewa (perniagaan)	160,000	160,000	50,000	30,000	50,000
Sewa (b.perniagaan)	90,000	90,000	90,000	90,000	90,000
Dividen	90,000	90,000	90,000	70,000	80,000
Faedah	30,000	40,000	50,000	30,000	40,000

Jumlah pendapatan kasar	370,000	380,000	280,000	220,000	260,000
% pendapatan pemegangan pelaburan	210,000/370,000 57%	220,000/380,000 58%	230,000/280,000 82%	190,000/220,000 86%	210,000/260,000 81%
SPP atau bukan	Bukan	Bukan	Bukan	Bukan	Bukan

Dalam tahun-tahun taksiran 2020, 2021 dan 2022, pendapatan pemegangan pelaburan adalah lebih 80% daripada pendapatan kasar syarikat disebabkan pengurangan pendapatan daripada sewa (perniagaan) akibat daripada ketiadaan penyewa untuk sebahagian besar lot pejabat. Oleh sebab ketiadaan penyewa adalah untuk tempoh 24 bulan, penyewaan dianggap terhenti sementara dan oleh itu syarikat masih dianggap bukan SPP bagi tahun-tahun taksiran 2020, 2021 dan 2022.

Contoh 7

Fakta adalah sama seperti dalam Contoh 6 kecuali Double Trouble Sdn Bhd hanya berjaya mendapat penyewa baru pada 1.8.2022 (ketiadaan penyewa untuk tempoh 26 bulan).

Double Trouble Sdn Bhd dianggap bukan SPP bagi tahun-tahun taksiran 2020 dan 2021 memandangkan ketiadaan penyewa dalam 2 tahun taksiran itu (19 bulan) masih dalam tempoh 24 bulan. Manakala baki 7 bulan yang menyebabkan tempoh ketiadaan penyewa menjadi lebih 24 bulan jatuh dalam TT 2022. Oleh sebab pendapatan daripada pemegangan pelaburan lebih 80% daripada pendapatan kasar, Double Trouble Sdn Bhd adalah SPP bagi TT 2022.

- 6.4 Syarikat yang telah ditentukan sebagai SPP dalam tempoh asas bagi suatu TT akan dianggap sebagai SPP dalam tahun taksiran berikutnya. Walaubagaimanapun, layanan ini tidak terpakai jika syarikat dapat membuktikan bahawa ia bukan lagi merupakan SPP dalam tahun taksiran berkaitan.

Contoh 8

Syarikat Antena Sdn Bhd (SASB) mula beroperasi dalam tahun 2019 dan aktiviti utamanya adalah pemegangan pelaburan. Dalam bulan November 2020, SASB menjual semua pelaburannya kecuali simpanan tetap untuk digunakan sebagai modal bagi memulakan perniagaan menjual telefon bimbit dalam tahun 2021 sebagai aktiviti utamanya. Dalam bulan Oktober 2021, SASB melabur semula

dalam beberapa syarikat. Pendapatan SASB untuk tahun taksiran 2019 sehingga 2022 adalah seperti berikut :

Punca Pendapatan	TT 2019	TT 2020	TT 2021	TT 2022
Perniagaan	-	-	30,000	10,000
Sewa (b.perniagaan)	24,000	24,000	12,000	30,000
Dividen	10,000	-	-	24,000
Faedah	5,000	5,000	13,000	15,000
Jumlah pendapatan kasar	39,000	29,000	55,000	79,000
% pemegang pelaburan	39,000/39,000	29,000/29,000	Aktiviti utama syarikat menjual telefon bimbit	Aktiviti utama syarikat menjual telefon bimbit
SPP atau bukan	100%	100%	Bukan	Bukan
	SPP	SPP		

SASB merupakan SPP bagi tahun taksiran 2019 dan 2020 kerana aktiviti utamanya adalah pemegangan pelaburan dan tidak kurang 80% daripada pendapatan kasar SASB adalah daripada pemegangan pelaburan tersebut. Walau bagaimanapun, SASB bukan SPP bagi tahun taksiran 2021 kerana aktiviti utamanya bukan lagi pemegangan pelaburan tetapi telah bertukar kepada perniagaan menjual telefon bimbit. SASB masih kekal sebagai bukan SPP dalam tahun taksiran 2022 (walaupun pendapatan daripada pemegangan pelaburan melebihi 80% daripada pendapatannya) kerana SASB masih menjalankan perniagaan menjual telefon bimbit sebagai aktiviti utamanya.

Sekiranya perniagaan menjual telefon bimbit bukan aktiviti utama syarikat tersebut tetapi hanya aktiviti sampingan yang tidak dijalankan secara aktif, syarikat adalah SPP dalam tahun taksiran 2021 dan 2022, jika tidak kurang 80% daripada pendapatan kasar syarikat adalah diperolehi daripada pemegangan pelaburan.

7. Layanan Cukai

Layanan cukai bagi SPP bergantung sama ada SPP tersenarai atau tidak tersenarai di Bursa Malaysia. Layanan cukai khusus bagi SPP adalah diperuntukan di bawah :

- (a) seksyen 60F ACP bagi SPP yang tidak tersenarai di Bursa Malaysia; dan
- (b) seksyen 60FA ACP bagi SPP yang tersenarai di Bursa Malaysia.

8. Layanan Cukai Bagi Syarikat Pemegang Pelaburan Yang Tidak Tersenarai Di Bursa Malaysia – Seksyen 60F ACP

8.1 Apa-apa pendapatan yang diperoleh daripada pemegangan pelaburan [faedah, dividen, sewa (bukan perniagaan) dan sewa (perniagaan pemegangan pelaburan)] dianggap sebagai punca bukan perniagaan. Manakala pendapatan selain daripada pendapatan pemegangan pelaburan dianggap sebagai punca pendapatan di bawah perenggan 4(f) ACP.

Contoh 9

Fakta adalah sama seperti di Contoh 4. Andaikan kesemua syarikat A hingga E tidak tersenarai di Bursa Malaysia.

Berdasarkan kepada penentuan SPP, syarikat B dan C adalah merupakan SPP. Oleh sebab kedua-dua syarikat tidak tersenarai di Bursa Malaysia, peruntukan seksyen 60F ACP terpakai.

Bagi syarikat B dan C, punca pendapatan adalah ditaksir seperti berikut :

Punca Pendapatan	Peruntukan di bawah ACP
Dividen	Perenggan 4(c)
Faedah	Perenggan 4(c)
Sewa (bukan perniagaan)	Perenggan 4(d)
Sewa (perniagaan pemegangan pelaburan)	Perenggan 4(d)
Fi perkhidmatan pengurusan	Perenggan 4(f)

8.2 Perbelanjaan dibenarkan

8.2.1 Dalam menentukan jumlah pendapatan SPP bagi suatu TT, suatu amaun perbelanjaan dibenarkan yang ditentukan mengikut formula yang ditetapkan boleh dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan agregat SPP.

8.2.2 Perbelanjaan dibenarkan yang dilakukan oleh SPP terdiri daripada-

- (a) fi pengarah;
- (b) upah, gaji dan elaun;
- (c) fi pengurusan;
- (d) fi setiausaha, audit dan perakaunan, bayaran telefon, kos percetakan alat tulis dan pos; dan
- (e) sewa dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan penyelenggaraan pejabat,

yang tidak dibenarkan potongan di bawah subseksyen 33(1) ACP.

8.2.3 Formula yang ditetapkan bagi menentukan amaun perbelanjaan dibenarkan yang boleh dibenarkan sebagai potongan adalah seperti berikut:

$$A \times \frac{B}{4C}$$

di mana :

- A ialah jumlah perbelanjaan dibenarkan yang dilakukan bagi suatu tempoh asas ditolak dengan penerimaan yang sama;
- B ialah pendapatan kasar yang terdiri daripada dividen, faedah dan sewa yang boleh dikenakan cukai bagi suatu tempoh asas;
- C ialah agregat pendapatan kasar yang terdiri daripada dividen dan faedah (sama ada dividen atau faedah tersebut dikecualikan atau tidak) dan sewa, dan keuntungan daripada realisasi pelaburan bagi suatu tempoh asas.

- 8.2.4 Amaun yang boleh dibenarkan sebagai potongan tidak boleh melebihi 5% daripada pendapatan kasar yang terdiri daripada dividen, faedah dan sewa bagi tempoh asas tersebut.

Nota: "Dividen" termasuk pendapatan yang diagihkan oleh unit amanah.

Contoh 10

Pendapatan kasar Sunsuria Property Sdn Bhd bagi TT 2022 adalah seperti berikut :

Pendapatan	RM
Dividen (dikecualikan cukai)	35,000
Faedah	30,000
Faedah (dikecualikan cukai)	8,000
Sewa	50,000
Fi perkhidmatan pengurusan	35,000
Agihan pendapatan daripada amanah pelaburan harta tanah (REIT)	20,000
Agihan pendapatan dari unit amanah	15,000
Keuntungan realisasi pelaburan	100,000

Sunsuria Property Sdn Bhd adalah SPP berdasarkan aktiviti utamanya dan pendapatan daripada pemegangan pelaburan yang melebihi 80% daripada pendapatan syarikat.

Perbelanjaan yang dituntut adalah seperti berikut :

Perbelanjaan yang dituntut	RM
Fi pengarah	24,000
Gaji dan elaun	16,000
Fi pengurusan	5,000
Fi audit	4,000

i. Amaun A, B dan C adalah seperti berikut :

(a) Amaun perbelanjaan yang dibenarkan :

Fi pengarah	24,000
Gaji dan elaun	16,000
Fi pengurusan	5,000
Fi audit	<u>4,000</u>
	<u>49,000</u> (A)

Pendapatan kasar pelaburan yang boleh dikenakan cukai :

Faedah	30,000
Sewa	50,000
Agihan pendapatan daripada REIT	20,000
Agihan pendapatan daripada unit amanah	<u>15,000</u>
	<u>115,000</u> (B)

Agregat pendapatan kasar pelaburan (sama ada dikecualikan atau tidak), sewa dan keuntungan daripada realisasi pelaburan :

Dividen (dikecualikan cukai)	35,000
Faedah	30,000
Faedah (dikecualikan cukai)	8,000
Sewa	50,000
Agihan pendapatan daripada REIT	20,000
Agihan pendapatan daripada unit amanah	15,000
Keuntungan realisasi pelaburan	<u>100,000</u>

258,000 (C)

- (b) Amaun perbelanjaan dibenarkan yang ditentukan mengikut formula adalah :

$$A \times \frac{B}{4C} = RM49,000 \times \frac{RM115,000}{4 \times RM258,000} = RM5,460.$$

dibandingkan dengan 5% daripada pendapatan kasar pelaburan yang boleh dikenakan cukai :

(5% X RM115,000) = RM5,750; mengikut mana yang lebih rendah.

Oleh yang demikian, amaun perbelanjaan yang boleh dibenarkan sebagai potongan adalah RM5,460.

- ii. Jumlah pendapatan Sunsuria Property Sdn Bhd bagi TT 2022 dikira seperti berikut :

(a)	Faedah	30,000
(b)	Agihan pendapatan daripada REIT	20,000
(c)	Agihan pendapatan daripada unit amanah	15,000
(e)	Sewa	50,000
(f)	Fi perkhidmatan pengurusan	<u>35,000</u>
		150,000

Tolak :

Perbelanjaan dibenarkan 5,460

Jumlah pendapatan 144,540

8.3 Pendapatan Dividen Satu Peringkat

Mulai TT 2008, pendapatan dividen satu peringkat adalah dikecualikan daripada cukai dan apa-apa perbelanjaan yang berkaitan dengan perolehan dividen ini hendaklah diabaikan. Ini juga terpakai kepada SPP.

Contoh 11

Pendapatan kasar Maju Sdn Bhd (sebuah SPP) bagi TT 2022 adalah seperti berikut :

Pelaburan	Kos Pelaburan	Pendapatan	RM
Saham	600,000	Dividen (satu peringkat)	100,000
Simpanan Tetap	100,000	Faedah	15,000
Pelaburan dalam Bintang REIT	500,000	Agihan pendapatan daripada Bintang REIT	90,000
-	-	Fi perkhidmatan pengurusan	35,000
-	-	Keuntungan realisasi pelaburan	150,000
Jumlah	1,200,000		390,000

Maju Sdn Bhd telah membuat pinjaman untuk membiayai pembelian saham, simpanan tetap dan pelaburan dengan Bintang REIT. Dalam TT 2022, jumlah faedah yang dibayar bagi pinjaman tersebut ialah RM50,000.

Perbelanjaan yang dituntut adalah seperti berikut :

Perbelanjaan yang dituntut	RM
Fi pengarah	20,000
Gaji dan elaun	15,000
Fi pengurusan	7,000
Fi audit	5,000
Penyelenggaraan Kenderaan	2,000
Susut nilai	1,000

Jumlah	50,000
--------	--------

i. Amaun A, B dan C adalah seperti berikut :

(a) Amaun perbelanjaan yang dibenarkan :

Fi pengarah	20,000
Gaji dan elaun	15,000
Fi pengurusan	7,000
Fi audit	<u>5,000</u>
	<u>47,000</u> (A)

Pendapatan kasar pelaburan yang boleh dikenakan cukai :

Faedah simpanan tetap	15,000
Agihan pendapatan daripada REIT	<u>90,000</u>
	<u>105,000</u> (B)

Agregat pendapatan kasar pelaburan (sama ada dikecualikan atau tidak), sewa dan keuntungan daripada realisasi pelaburan:

Dividen (satu peringkat)	100,000
Faedah simpanan tetap	15,000
Agihan pendapatan daripada REIT	90,000
Keuntungan realisasi pelaburan	<u>150,000</u>
	<u>355,000</u> (C)

(b) Amaun perbelanjaan dibenarkan yang ditentukan mengikut formula adalah :

$$A \times \frac{B}{4C} = \text{RM}47,000 \times \frac{\text{RM}105,000}{4 \times \text{RM}355,000} = \text{RM}3,475.$$

dibandingkan dengan 5% daripada pendapatan kasar pelaburan yang boleh dikenakan cukai :

$(5\% \times \text{RM}105,000) = \text{RM}5,250$, mengikut mana yang lebih rendah.

Oleh itu, amaun perbelanjaan yang dibenarkan sebagai potongan adalah berjumlah RM3,475.

ii. Jumlah pendapatan Maju Sdn Bhd bagi TT 2022 dikira seperti berikut:

i)	Faedah kasar	15,000	
	Tolak:		
	Perbelanjaan faedah		
	$\left[\frac{100,000}{1,200,000} \times 50,000 \right]$	<u>4,167</u>	10,833
ii)	Agihan pendapatan daripada REIT	90,000	
	Tolak:		
	Perbelanjaan faedah		
	$\left[\frac{500,000}{1,200,000} \times 50,000 \right]$	<u>20,833</u>	69,167
iii)	Fi perkhidmatan pengurusan		<u>35,000</u>
			115,000
	Tolak:		
	Perbelanjaan dibenarkan		<u>3,475</u>
	Jumlah pendapatan		<u>111,525</u>
	Nota :		
	Dividen kasar (satu peringkat)	100,000 (dikecualikan)	

Belanja faedah

$\frac{[600,000 \times 50,000]}{1,200,000}$

25,000 (diabaikan)

- 8.4 Sekiranya tidak terdapat pendapatan agregat atau pendapatan agregat tidak mencukupi untuk menyerap perbelanjaan dibenarkan bagi suatu TT, apa-apa lebihan perbelanjaan dibenarkan tidak boleh dihantar ke hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya.

9. Layanan Cukai Bagi Syarikat Pemegang Pelaburan Yang Tersenarai Di Bursa Malaysia- Seksyen 60FA ACP

- 9.1 Bagi menentukan sama ada suatu syarikat merupakan SPP, perenggan 4, 5 dan 6 dalam KU ini hendaklah dirujuk. Setelah ditentukan bahawa suatu syarikat merupakan SPP dan syarikat tersebut tersenarai di Bursa Malaysia, layanan cukai yang dijelaskan dalam perenggan ini hendaklah digunapakai.
- 9.2 Apa-apa pendapatan yang diperoleh daripada pemegangan pelaburan [faedah, dividen, sewa (bukan perniagaan dan perniagaan pemegangan pelaburan)] dianggap sebagai punca perniagaan di bawah perenggan 4(a) ACP. Setiap punca pendapatan tersebut hendaklah ditaksir sebagai satu punca perniagaan yang berasingan.
- 9.3 Walaupun punca pendapatan tersebut dianggap sebagai punca perniagaan, dalam menentukan pendapatan larasan dan pendapatan berkanun SPP, layanan khusus yang diperuntukkan di bawah seksyen 60FA ACP hendaklah dipatuhi.
- 9.3.1 Dalam menentukan pendapatan larasan setiap punca perniagaan bagi suatu TT:
- (a) tiada potongan perbelanjaan boleh dibenarkan sekiranya punca tersebut tidak menghasilkan apa-apa pendapatan;
 - (b) amaun potongan yang dibenarkan bagi perbelanjaan langsung adalah terhad kepada amaun pendapatan kasar daripada punca itu bagi TT tersebut. Apa-apa lebihan perbelanjaan berkenaan hendaklah diabaikan (tidak boleh diserap oleh mana-mana punca pendapatan lain atau dihantar ke hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya); dan
 - (c) amaun potongan yang dibenarkan bagi perbelanjaan bersama yang ditentukan berdasarkan pendapatan kasar adalah terhad kepada amaun pendapatan kasar daripada punca itu bagi TT

tersebut. Apa-apa lebihan perbelanjaan berkenaan hendaklah juga diabaikan.

9.3.2 Dalam menentukan pendapatan berkanun setiap punca perniagaan bagi suatu TT, elaun di bawah Jadual 3 ACP boleh dibenarkan tetapi terhad kepada amaun pendapatan larasan daripada punca tersebut. Sekiranya tidak terdapat pendapatan larasan atau pendapatan larasan tidak mencukupi untuk menyerap elaun tersebut, apa-apa lebihan elaun tidak boleh dihantar ke hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya.

Contoh 12

Iktikad Raya Sdn Bhd adalah merupakan suatu SPP yang tersenarai di Bursa Malaysia. Maklumat pendapatan dan perbelanjaan bagi TT 2022 adalah seperti berikut :

Punca Pendapatan	Pendapatan Kasar (RM)	Perbelanjaan Faedah (RM)
Dividen (satu peringkat)	400,000	250,000
Faedah	200,000	160,000
Sewa	Tiada	70,000

Perbelanjaan faedah merupakan perbelanjaan langsung dan bukan perbelanjaan bersama.

Jumlah pendapatan kasar	RM600,000
Perbelanjaan bersama	RM150,000
Elaun modal bersama	RM80,000

Jumlah pendapatan Iktikad Raya Sdn Bhd bagi TT 2022 dikira seperti berikut :

I. Faedah kasar 200,000

Tolak :

Perbelanjaan faedah 160,000

Perbelanjaan bersama

$\frac{[200,000 \times 150,000]}{600,000}$ 50,000

210,000

Terhad 200,000 200,000

10,000(diabaikan) Tiada

Elaun modal bersama

$\frac{[200,000 \times 80,000]}{600,000}$ 26,667(diabaikan)

II. Sewa kasar Tiada

Tolak :

Perbelanjaan faedah 70,000(diabaikan)

III. Dividen (satu peringkat) 400,000(dikecualikan) Tiada

Perbelanjaan faedah 250,000

Perbelanjaan bersama

$\frac{[400,000 \times 150,000]}{600,000}$ 100,000
350,000(diabaikan)

Elaun modal bersama

$\frac{[400,000 \times 80,000]}{600,000}$ 53,333(diabaikan)

Tiada

Jumlah pendapatan Tiada

(a) Baki perbelanjaan faedah dan perbelanjaan bersama sebanyak RM10,000 bagi punca faedah dan perbelanjaan faedah sebanyak RM70,000 bagi punca sewa yang tidak dapat diserap hendaklah diabaikan dan tidak boleh diserap oleh mana-mana punca

pendapatan lain atau dihantar ke hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya.

- (b) Elaun modal sebanyak RM26,667 yang tidak dapat diserap oleh punca faedah dan RM53,333 yang tidak dapat diserap oleh punca dividen tidak boleh dihantar ke hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya.

9.4 Perbelanjaan dan Potongan Berkaitan Dividen Satu Peringkat

Mulai TT 2017, di bawah perenggan 12B, Jadual 6 ACP, pendapatan dividen yang tidak layak untuk potongan cukai pada punca adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan manakala apa-apa potongan yang berkaitan pendapatan dividen tersebut juga diabaikan dalam menentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai.

Ini bermaksud selain daripada perbelanjaan yang berkaitan dengan dividen, apa-apa elaun di bawah Jadual 3 ACP dan lain-lain potongan termasuk zakat, derma dan lain-lain yang berkaitan dengan pendapatan dividen hendaklah diabaikan dalam mengira pendapatan berkanun/bercukai.

Contoh 13

Maju Jaya Sdn Bhd adalah merupakan suatu SPP yang tersenarai di Bursa Malaysia dan mempunyai pendapatan dividen. Penyata pendapatan syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

Punca Pendapatan	Pendapatan kasar (RM)
Pendapatan kasar perniagaan	1,830,452
Dividen	11,320,000
Faedah	2,177,279
Sewa Bukan Perniagaan (termasuk belanja dibenarkan RM12,000)	66,000
Jumlah pendapatan	15,393,731

Manakala tuntutan perbelanjaan, kos-kos lain dan derma adalah seperti berikut:

Jenis Tuntutan	Amaun (RM)
Perbelanjaan pentadbiran (termasuk perbelanjaan tidak dibenarkan RM1,259,672)	2,073,068
Derma	6,000
Keuntungan sebelum cukai	13,314,663

Elaun modal bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM500,000.

Bahagian elaun modal dan derma yang berkaitan dengan dividen bagi Maju Jaya Sdn Bhd mestilah diabaikan. Pengiraan elaun modal dan derma yang diabaikan adalah mengikut formula di bawah :

(i) Elaun modal berkaitan pendapatan dividen

= $\frac{\text{Pendapatan dividen}}{\text{Jumlah pendapatan kasar}}$ X Elaun modal

= $\frac{\text{RM11,320,000}}{\text{RM15,393,731}}$ X RM500,000

= RM367,682

Elaun modal dibenarkan

= Jumlah elaun modal- elaun modal berkaitan dividen

= RM500,000 – RM367,682

= RM132,318

(ii) Derma berkaitan pendapatan dividen

= Pendapatan dividen X Derma
Jumlah pendapatan kasar

= $\frac{\text{RM11,320,000}}{\text{RM15,393,731}} \times \text{RM6,000}$

= RM4,412

Derma dibenarkan

= Jumlah derma – derma berkaitan pendapatan dividen

= RM6,000 – RM4,412 = RM1,588

Berdasarkan kepada formula yang digunakan, elaun modal yang diabaikan ialah RM367,682 dan derma yang diabaikan ialah RM4,412. Oleh yang demikian, elaun modal dan derma yang dibenarkan ialah RM132,318 dan RM1,588.

- (iii) Pengiraan pendapatan bercukai bagi Maju Jaya Sdn Bhd bagi TT 2022 adalah seperti berikut :

	RM	RM
Pendapatan kasar perniagaan		1,830,452
Tolak : Belanja dibenarkan		<u>813,396</u>
Pendapatan larasan perniagaan		1,017,056
Tolak : Elaun modal dibenarkan		<u>132,318</u>
Pendapatan berkanun perniagaan		884,738
Tambah : <u>Pendapatan bukan perniagaan</u>		
Sewa bersih	54,000	
Faedah	<u>2,177,279</u>	<u>2,231,279</u>
Pendapatan agregat		3,116,017
Tolak : Derma dibenarkan		<u>1,588</u>

Pendapatan bercukai

3,114,429

9.5 Jika dalam suatu TT, SPP tersenarai di Bursa Malaysia juga menjalankan aktiviti perniagaan (bukan sebagai aktiviti utama), maka apa-apa kerugian larasan daripada punca perniagaan tersebut akan diberi layanan biasa mengikut peruntukan subseksyen 43(2) dan 44(2) ACP. Oleh itu, kerugian larasan daripada punca perniagaan tersebut bagi suatu TT boleh dipotong daripada pendapatan agregat bagi TT berkenaan. Apa-apa lebihan kerugian larasan yang tidak dapat diserap boleh dihantar ke hadapan dan dipotong daripada agregat pendapatan berkanun daripada punca perniagaan bagi tahun-tahun taksiran berikutnya.

9.6 Had Masa bagi Kerugian Larasan Perniagaan Yang Tidak Dapat Diserap Dihantar ke Hadapan

9.6.1 Berkuatkuasa mulai TT 2019, apa-apa kerugian larasan perniagaan tahun semasa yang tidak dapat diserap dalam suatu TT hanya boleh dihantar ke hadapan terhad kepada sepuluh (10) tahun taksiran yang berturut-turut.

9.6.2 Tempoh sepuluh (10) tahun taksiran yang berturut-turut bermula sejeurus selepas TT kerugian larasan perniagaan terbit. Sebarang baki kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap setelah berakhirnya tempoh sepuluh (10) tahun taksiran berturut-turut itu hendaklah diabaikan.

9.6.3 Had masa bagi kerugian larasan perniagaan yang tidak dapat diserap yang terbit daripada perniagaan seseorang untuk dihantar ke hadapan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam Ketetapan Umum No.1/2022.

Contoh 14

Investment Link Berhad merupakan SPP yang tersenarai di Bursa Malaysia. Bagi TT 2022, pendapatan kasar yang diterima dan perbelanjaan yang dilakukan adalah seperti berikut:

Punca pendapatan	Pendapatan kasar (RM)	Perbelanjaan langsung (RM)
Fi pengurusan	200,000	350,000

Dividen (satu peringkat)	1,000,000	600,000
Faedah	300,000	150,000

Jumlah pendapatan kasar	RM1,500,000
Perbelanjaan bersama	RM250,000
Elaun modal bersama	RM200,000

Jumlah pendapatan Investment Link Berhad bagi TT 2022 dikira seperti berikut:

	RM	RM	RM
I. Fi pengurusan kasar		200,000	
Tolak:			
Perbelanjaan langsung	350,000		
Perbelanjaan bersama			
$\frac{[200,000 \times 250,000]}{1,500,000}$	<u>33,333</u>		
	383,333		
Terhad	<u>200,000</u>	<u>200,000</u>	Tiada
Kerugian perniagaan tahun semasa	183,333		
Elaun modal bersama di hantar hadapan			
$\frac{[200,000 \times 200,000]}{1,500,000}$	26,667		

II.	Faedah kasar	300,000	
	Tolak:		
	Perbelanjaan langsung	150,000	
	Perbelanjaan bersama		
	$\frac{[300,000 \times 250,000]}{1,500,000}$	<u>50,000</u>	<u>200,000</u>
	Pendapatan larasan faedah	100,000	
	Tolak:		
	Elaun modal bersama		
	$\frac{[300,000 \times 200,000]}{1,500,000}$	<u>40,000</u>	60,000
III.	Dividen kasar	1,000,000 (dikecualikan)	
	Perbelanjaan langsung	600,000	
	Perbelanjaan bersama		
	$\frac{[1,000,000 \times 250,000]}{1,500,000}$	<u>166,667</u>	
		766,667 (diabaikan)	
	Elaun modal bersama		
	$\frac{[1,000,000 \times 200,000]}{1,500,000}$	133,333 (diabaikan)	<u>Tiada</u>
	Pendapatan agregat		60,000
	Tolak: Kerugian tahun semasa		
	[subseksyen 44(2) ACP]	183,333	
	Terhad	<u>60,000</u>	<u>60,000</u>
	Kerugian hantar hadapan	<u>123,333</u>	<u>Tiada</u>
	Jumlah pendapatan		<u>Tiada</u>

Elaun modal sebanyak RM26,667 yang tidak dapat diserap boleh dihantar ke hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya. Kerugian larasan semasa berjumlah RM123,333 yang tidak dapat diserap dibenarkan di bawa ke hadapan untuk diserap daripada agregat pendapatan berkanun semua punca perniagaan untuk 10 tahun berturut-turut sehingga TT 2032.

Contoh 15

Sinar Makmur Sdn Bhd merupakan SPP yang tersenarai di Bursa Malaysia. Bagi TT 2022, pendapatan kasar yang diterima dan perbelanjaan yang dilakukan adalah seperti berikut:

Punca pendapatan	Pendapatan kasar (RM)	Perbelanjaan langsung (RM)
Fi pengurusan	50,000	10,000
Faedah	200,000	220,000

Jumlah pendapatan kasar	RM250,000
Perbelanjaan bersama	RM40,000

Jumlah pendapatan Sinar Makmur Sdn Bhd untuk TT 2022 dikira seperti berikut:

	RM	RM	RM
I. Fi pengurusan kasar		50,000	
Tolak:			
Perbelanjaan langsung	10,000		
Perbelanjaan bersama			
$\frac{[50,000 \times 40,000]}{250,000}$	<u>8,000</u>	<u>18,000</u>	32,000
II. Faedah kasar		200,000	

10. Elaun Modal / Elaun Bangunan Industri

- 10.1 Secara umumnya, elaun modal dan elaun bangunan industri diberi ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh seseorang berhubung dengan aset yang digunakan bagi maksud perniagaannya. Sama ada pendapatan sewa daripada penyewaan harta tanah dianggap sebagai punca perniagaan seseorang bagi suatu TT atau tidak adalah bergantung kepada keadaan dalam tempoh asas bagi TT tersebut. Keadaan ini akan menentukan sama ada seseorang layak atau tidak mendapat elaun modal dan elaun bangunan industri bagi pendapatan sewa tersebut.
- 10.2 Jika pendapatan sewa (daripada pemegangan pelaburan) diperoleh oleh syarikat daripada bangunannya yang diberi layanan sebagai punca perniagaan dan elaun modal dan/atau elaun bangunan industri telah dituntut dan kemudiannya pendapatan sewa tersebut tidak lagi diberi layanan sebagai punca perniagaan disebabkan syarikat telah menjadi SPP dalam suatu TT, syarikat tersebut tidak lagi layak menuntut elaun modal berhubung dengan loji dan jenteranya dalam tahun taksiran itu, melainkan SPP tersebut tersenarai di Bursa Malaysia.
- 10.3 Walaubagaimanapun, menurut perenggan 60 Jadual 3 ACP, syarikat tersebut masih layak menuntut elaun bangunan industri ke atas bangunannya dengan syarat penyewa menggunakan bangunan tersebut sebagai bangunan industri.

11. Pindaan dan Pengemaskinian

	Pindaan	
KU ini menggantikan KU No. 10/2015 bertarikh 16.12.2015	Kandungan KU ini telah dipinda seperti berikut:	
	Perenggan	Penerangan
	9.4	Perenggan baharu ini dimasukkan menurut pindaan Perenggan 12B, Jadual 6.
	Contoh 13	Contoh baharu ini dimasukkan menurut pindaan Perenggan 12B, Jadual 6.



SYARIKAT PEMEGANG PELABURAN

Ketetapan Umum No. 2/2024

Tarikh Penerbitan: 28 Mei 2024

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

	9.6	Perenggan baharu ini dimasukkan menurut pindaan subseksyen 44(5F) ACP.
--	-----	--

12. Penafian

Contoh-contoh di dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**